

Ruj. Kami: Peng/BPA/SPP/0318(044)

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMCCed BIL:2/2018

12 Mac 2018

Kepada Semua Staf UMCCed

Tuan/Puan


GARIS PANDUAN BAHARU SKIM LATIHAN SEPANJANG HAYAT (SLASH) UMCCed

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan UMCCed Bil. 1/2018 pada 23 Januari 2018 telah meluluskan garis panduan baharu skim SLASH seperti terlampir. Pengurusan UMCCed juga bersetuju bahawa kadar baharu skim SLASH ini mula berkuatkuasa pada Sesi Kemasukan Oktober 2017.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DATO' DR. MANSOR MD. ISA
Pengarah

MMI/mnh



GARIS PANDUAN BAGI URUSAN PERMOHONAN SKIM LATIHAN SEPANJANG HAYAT (SLASH)

Disediakan Oleh:

**UMCCed
Januari 2018**



BIL. PERKARA

MUKA SURAT

1. Tujuan	3
2. Latar Belakang	3
3. Tafsiran	3
4. Jadual Kadar Yuran SLASH	4
5. Syarat-syarat Kelayakan Permohonan SLASH	4
6. Syarat Penerimaan SLASH	4
7. Pembatalan Tawaran SLASH	4
8. Prosedur Permohonan	4
9. Lampiran	
(a) Jadual Kadar Yuran SLASH bagi Program UMCCed (Lampiran 1)	5

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan prosedur permohonan Skim Latihan Sepanjang Hayat ("SLASH") supaya urusan tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan teratur.

2. LATAR BELAKANG

SLASH diwujudkan khas untuk staf Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya ("UMCCed")/ Universiti Malaya ("UM")/ Pusat Perubatan Universiti Malaya ("PPUM")/ Unit Perundingan Universiti Malaya ("UPUM") dan/atau pasangan staf, ahli keluarga terdekat UMCCed/UM/PPUM/UPUM yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan untuk mengikuti program yang ditawarkan oleh UMCCed dengan bayaran yuran yang lebih rendah daripada kadar yuran biasa.

Skim ini adalah hasil usaha UMCCed untuk memberi peluang kepada staf, pasangan dan ahli keluarga staf untuk menambah ilmu pengetahuan. Selain itu, SLASH ini juga dapat mewujudkan dan mengeratkan lagi jalinan silaturahim antara UMCCed, UM, PPUM dan UPUM.

3. TAFSIRAN

"Ketua Jabatan (KJ)"	bermaksud pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu Jabatan.
"Penerima SLASH"	bermaksud staf/pasangan/ahli keluarga staf yang diluluskan skim SLASH
"Staf"	bermaksud staf berstatus tetap/kontrak.
"Pasangan staf "	bermaksud suami atau isteri staf UMCCed/UM/PPUM/UPUM
"Program"	bermaksud Diploma, Diploma Eksekutif, Sijil Profesional, kursus atau latihan milik UMCCed sahaja dan dijalankan sepenuhnya oleh UMCCed.
"Ahli Keluarga Terdekat"	bermaksud Ibu/Bapa kandung/mertua, Anak kandung, Anak angkat yang sah di sisi undang-undang dan adik-beradik kandung.

4. JADUAL KADAR YURAN SLASH

Jadual kadar yuran SLASH adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN SLASH

Permohonan SLASH adalah tertakluk kepada semua staf yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun pada tarikh permohonan.

6. SYARAT-SYARAT PENERIMAAN SLASH

- i) Penerima SLASH dikehendaki mematuhi syarat-syarat pembayaran yuran seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1.
- ii) Menjelaskan keseluruhan yuran SLASH yang telah diluluskan dan yuran ini tidak akan dipulangkan sekiranya menarik diri daripada program atau ditamatkan pengajian.
- iii) Sekiranya penerima SLASH menduduki semula mana-mana kursus pengajian, mengambil peperiksaan tambahan atau menangguhkan pengajian, maka penerima SLASH tersebut perlu membayar sendiri pada kadar yuran penuh.
- iv) UMCCed berhak untuk meminda kadar yuran atau syarat-syarat ini termasuk kelayakan pemohon SLASH pada bila-bila masa atas kepentingan UMCCed.

7. PEMBATALAN TAWARAN SLASH

UMCCed berhak membatalkan atau menarik balik tawaran SLASH pada bila-bila masa sekiranya didapati mana-mana keterangan pemohon, atau dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar. Maka, penerima SLASH perlu membuat pembayaran keseluruhan yuran pada kadar biasa.

8. PROSEDUR PERMOHONAN

- i) Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan SLASH yang dilampirkan iaitu **Borang A (Borang Permohonan untuk Staf) dan Borang B (Borang Permohonan untuk Pasangan/Ahli Keluarga Terdekat Staf)** serta menyerahkannya sebelum atau pada tarikh tutup permohonan sesuatu ambilan program.
- ii) Permohonan SLASH yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat UMCCed seperti di bawah:

Pengarah
Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Aras 7, Wisma R & D Universiti Malaya
Jalan Pantai Baharu
59990 Kuala Lumpur

JADUAL PEMBAYARAN YURAN SLASH MENGIKUT PEMOHON BAGI DIPLOMA EKSEKUTIF, DIPLOMA DAN KURSUS/LATIHAN/SIJIL PROFESIONAL

Pemohon	PROGRAM								
	Diploma Eksekutif			Kursus/Latihan/Sijil Profesional			Diploma		
	Yuran SLASH	Bayaran Minimum Semasa Pendaftaran	Tempoh Bayaran Baki Yuran	Yuran SLASH	Bayaran Minimum Semasa Pendaftaran	Tempoh Bayaran Baki Yuran	Yuran SLASH	Bayaran Minimum Semasa Pendaftaran	Tempoh Bayaran Baki Yuran
Staf	YD sahaja	30% YD	3 bulan dari tarikh pendaftaran	YD atau RM50.00 (mana yang lebih tinggi)	100% YD	-	-	-	-
Pasangan Staf UMCCed/Anak Kandung/Anak Angkat Staf UMCCed yang Sah di sisi Undang-undang	YD dan 10% YP		6 bulan dari tarikh pendaftaran	YD dan 10% yuran pengajian	-	-	YD dan 10% YP	30% YD	6 bulan dari tarikh pendaftaran
Pasangan Staf UM/PPUM/UPUM	YD dan 20% YP		YD dan 20% YP	-	-	-	-	-	-
Ahli keluarga terdekat	YD dan 80% YP	Mengikut jadual bayaran pelajar biasa	YD dan 90% YP	-	Mengikut jadual bayaran pelajar biasa	-	-	-	

Nota:

- (1) YD – Yuran pendaftaran
- (2) YP – Yuran pengajian

JADUAL PEMBAYARAN YURAN SLASH MENGIKUT PEMOHON BAGI KURSUS PENGAJIAN ISLAM

Pemohon	PROGRAM		
	Kursus Pengajian Syariah/Usuludin (Setiap Modul)	KKAQ/KBAR (Setiap Peringkat)	Sijil Profesional
	Yuran SLASH	Yuran SLASH	Yuran SLASH
Staf	YD atau RM50.00 (mana yang lebih tinggi)	YD atau RM50.00 (mana yang lebih tinggi)	YD sahaja
Pasangan Staf UMCCed/Anak Kandung/Anak Angkat Staf UMCCed yang Sah di sisi Undang-undang		10% yuran	YD dan 10% YP
Pasangan Staf UM/PPUM/UPUM	20% yuran	20% yuran	YD dan 20% YP

Nota:

- (1) Bayaran penuh perlu dibuat semasa hari pendaftaran.
- (2) YD – Yuran pendaftaran
- (3) YP – Yuran pengajian
- (4) KKAQ - Kursus Kemahiran Membaca Al-Quran
- (5) KBAR - Kursus Bahasa Arab